

# BH BISNES

» PERODUA  
SEMAK SEMULA  
UNJURAN JUALAN

BISNES B2



## INDEX UTAMA

FBMKLCI	1,886.710	+1.840
FBMT100	12,752.970	+25.020
FBM70	14,484.790	+76.860
FBMSCAP	18,674.539	+219.160
FBMEMAS	13,161.070	+35.580

## SAHAM PALING AKTIF

SUMATEC	0.395	-0.010
MAS	0.230	+0.010
IRIS	0.455	+0.035
TALAMT	0.115	+0.010
FRONTKN	0.160	+0.010

## SAHAM PALING UNTUNG

HIFG	17.580	+0.700
MENANG-WB	0.480	+0.290
MPI	6.160	+0.230
MKH	4.020	+0.220
HARTA-WA	2.500	+0.210

## SAHAM PALING RUGI

UTDPLT	28.600	-0.400
TAHPS	9.200	-0.300
PPB	14.700	-0.200
BLDPLNT	8.530	-0.170
TSTORE	2.760	-0.120

## HARGA KOMODITI

MINYAK MENTAH	AS\$106.13/tong
SAWIT (OKTOBER'14)	RM2,304/tan
GETAH (SMR20)	RM525/kg
TIMAH	AS\$121,150/tan
EMAS	RM128.79/gram

## WESTSTAR YAKIN KEKAL KEDUDUKAN

» Syarikat penyedia perkhidmatan luar pesisir utama tambah jumlah aset



HARDI EFENDI  
YACOB

hardi@bh.com.my

London

Kumpulan Weststar melalui anak syarikatnya Weststar Aviation Services Sdn Bhd, yakin mengekalkan kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan luar pesisir utama di Malaysia.

Keyakinan itu berdasarkan pertambahan jumlah aset, terutamanya membatikan perolehan helikopter pengangkut kategori 'super medium' keluaran AgustaWestland yang disi-

fatkan lebih tahan lasak dan cekap dari segi kos, termasuk dalam melakukan penerbangan jarak jauh.

## Kendali 45 helikopter

Ketua Pegawai Eksekutif Weststar Aviation, Jeneral (B) Tan Sri Muhammad Ismail Jamalluddin, berkata sejak memulakan operasi luar pesisir pada tahun 2008, syarikat itu mengendalikan 45 helikopter membatikan pelbagai model keluaran AgustaWestland.

Di Malaysia, katanya, sektor penyediaan perkhidmatan luar pesisir semakin berkembang pesat, sekali gus bakal menyaksikan persaingan sengit dalam tempoh beberapa tahun akan datang, namun Weststar Aviation yakin untuk tetap kekal sebagai penyedia utama perkhidmatan itu.

BISNES B2



Muhammad Ismail (kiri) bersama Romiti pada majlis penyerahan helikopter penumpang AgustaWestland AW189 di Farnborough, London, semalam.

## HONDA

### JAZZ BAHARU LEBIH ANGGUN

BISNES B3



## FGV

### RANCANG ANAK SYARIKAT KE BURSA

BISNES B4



### AIRASIA X TEMPAH 50 A330NEO

BISNES B4



## Gabungan CIMB, RHB, MBSB bentuk antara bank terbesar di ASEAN

Rancangan penggabungan CIMB Group Holdings Bhd, RHB Capital Bhd dan Malaysia Building Society Bhd (MBSB) bukan sahaja bakal membentuk kumpulan perbankan terbesar di peringkat domestik, malah ia juga antara yang terbesar di rantau ASEAN.

Menurut International Data Corporation (IDC), penggabungan tiga entiti berkenaan jika menjadi kenyataan, akan mewujudkan persaingan dari segi saiz bank di negara ini serta di ASEAN dalam konteks Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang akan bermula tahun depan.

"Industri perkhidmatan kewangan Malaysia sudah lama memberikan bayangan perluinya sebuah 'bank super tempatan' atau 'bank Islam mega' dan penggabungan yang dipimpin oleh CIMB ini akhirnya mengesahkan perkara itu," katanya menerusi nota yang dikeluarkan oleh unit penyelidikan yang merupakan IDC Insights, semalam.

**Industri perkhidmatan kewangan Malaysia sudah lama memberikan bayangan perluinya sebuah 'bank super tempatan'"**

## Teroka ASEAN

Penyedia maklumat pasaran bagi industri teknologi maklumat, telekomunikasi dan pengguna global itu berkata, dari segi peluang pasaran serantau, RHB kebelakangan ini sudah menunaikan janjiannya untuk berkembang di luar Malaysia menerusi penerokaannya ke utara ASEAN iaitu Thailand dan Kembodia.

Bagaimanapun, katanya, RHB belum melaksanakan projek sebesar iPlatform CIMB yang menjadikan CIMB sebagai satu-satunya calon paling berdaya maju dari segi penggunaan teknologi bagi membentuk sistem terasur untuk entiti baharu berkenaan.

"Kepimpinan teknologi CIMB juga memberikan set kemahiran yang bernilai dalam inovasi dan paling mustahak ialah penggunaan inovasi berkenaan dalam entiti digabungkan," katanya.

IDC menambah, ketiga-tiga institusi kewangan terabit juga mempunyai aspirasi dan kejayaan penggunaan teknologi berbeza. CIMB diiktiraf kerana mempunyai kepelbagaian inisiatif dalam perbankan digital, media sosial, akaun mudah alih, transaksi kurang bergantung kepada kaunter, pengeluaran tanpa kad di samping perbankan dalam talian bersama.

# Weststar Aviation tempah empat model helikopter

● Dari muka B1

“Bagi menampung keperluan itu, perolehan aset akan terus dipertingkatkan dalam menyokong usaha melebarkan operasi syarikat pada peringkat antarabangsa, terutama di Thailand, Maghribi dan Mauritania, selain Mozambique dan Afrika Selatan yang dalam perancangan,” katanya.

Beliau sebelum itu mewakili Weststar Aviation pada majlis penyerahan helikopter penumpang AgustaWestland AW189 di Pameran Aeroangkasa Antarabangsa Farnborough (FIA) 2014, di Farnborough, London, semalam.

Penyerahan itu sebahagian daripada empat unit model helikopter berkenaan yang ditempah oleh Weststar Aviation untuk operasi luar pesisir di Malaysia, selain di peringkat serantau dan antarabangsa.

Majlis disaksikan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif AgustaWestland, Daniele Romiti serta Pengarah Bahagian Promosi Perkhidmatan dan Perdagangan Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE), Md Silmy Abdul Rahman.

## Pengendali kedua helikopter

Perolehan AgustaWestland AW189, sekali gus menjadikan Weststar Aviation Services syarikat pengendali kedua helikopter itu di dunia dan yang pertama di Asia Pasifik.

Mengulas lanjut, Muhammad Ismail berkata, pihaknya turut menyasarkan pemilikan 100 unit helikopter untuk tempoh lima tahun akan datang, khusus bagi perkhidmatan luar pesisir yang juga operasi perniagaan utama syarikat.

“Dengan pertambahan jumlah helikopter itu, kita yakin jumlah kontrak (perkhidmatan) keseluruhan dikendalikan syarikat meningkat dari RM11 bilion kepada RM13 bilion menjelang akhir tahun ini, termasuk bagi operasi di luar negara,” katanya.